

SURAH WANITA YANG MENGAJUKAN RAYUAN



Surah: 58 Juzuk: 28 Bil. Ayat: 22

*Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah,
lagi Maha Mengasihani.*

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

قَدْ سَمِعَ اللَّهُ قَوْلَ الَّتِي تُخَدِّلُكَ فِي رَوْجَهَا
وَتَشْتَكِي إِلَى اللَّهِ وَاللَّهُ يَسْمَعُ مَا تُكَلِّفُ
اللَّهُ سَمِيعٌ بِصَيْرٌ

الَّذِينَ يُظْهِرُونَ مِنْكُمْ مَنْ نَسِيَهُمْ مَاهِنَ
أَمْهَاتُهُمْ إِنَّ أَمْهَاتُهُمْ لَا أَمْلَأُهُمْ
وَلَا هُمْ لِيُقْلُوْنَ مُنْكَرًا فَإِنَّ الْقَوْلَ وَزُورًا
وَلَئِنْ اللَّهَ لَعَفُو عَنْ غُوْرٍ

1. Sesungguhnya Allah telah mendengar perkataan perempuan yang mengajukan aduan kepadamu (wahai Muhammad) tentang suaminya, dan mengadukan (keadaannya) kepada Allah. Allah sedia mendengar perbincangan kamu berdua. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar lagi Maha Melihat.⁽¹⁾
2. Orang yang «menziharkan» isterinya di kalangan kamu, isteri mereka itu bukanlah ibu mereka. Ibu mereka hanyalah perempuan yang melahirkan mereka. Dan sesungguhnya mereka mengatakan suatu perkara yang mungkar dan dusta. Dan (ingatlah), sesungguhnya Allah Maha Pemaaf lagi Maha Pengampun.

1 Sebab turunnya ayat ini berhubung dengan persoalan seorang wanita bernama Khaulah binti Sa'labah yang telah dizihar oleh suaminya 'Aus bin as-Samit iaitu dengan mengatakan kepada isterinya: "Kamu bagiku seperti punggung ibuku", dengan maksud dia tidak boleh lagi mengauli isterinya sebagaimana dia tidak boleh mengauli ibunya. Menurut adat jahiliyah, kalimah zihar seperti itu adalah sama dengan mentalakkan isteri. Maka Khaulah mengadukan halnya kepada Rasulullah. Rasulullah menjawab bahawa dalam hal ini belum ada keputusan daripada Allah. Dalam riwayat yang lain, Rasulullah mengatakan: "Kamu telah diharamkan bersetubuh dengan dia," Lalu Khaulah berkata: "Suamiku belum menyebut kata-kata talak," kemudian Khaulah berulang-ulang kali mendesak kepada Rasulullah s.a.w supaya menetapkan suatu keputusan dalam hal ini sehingga turunlah ayat ini dan ayat-ayat berikutnya.

3. Dan orang yang «menziharkan» isteri-isterinya, kemudian mereka menarik balik apa yang mereka ucapkan (tentang zihar itu), maka hendaklah (suami itu) memerdekaan seorang hamba sebelum mereka berdua (suami isteri) bergaul. Demikian itu, kamu diberi pengajaran (supaya jangan mendekati perkara yang mungkar itu). Dan (ingatlah), Allah Maha Mendalam PengetahuanNya akan apa yang kamu lakukan.
4. Kemudian, sesiapa yang tidak dapat (memerdekaan hamba), maka hendaklah dia berpuasa dua bulan berturut-turut sebelum mereka (suami isteri) itu bergaul. Maka sesiapa yang tidak mampu, hendaklah dia memberi makan kepada enam puluh orang miskin. Ditetapkan hukum itu untuk membuktikan keimanan kamu kepada Allah dan rasulNya. Itulah hukum-hukum Allah. Dan bagi orang yang kafir akan mendapat azab yang sangat pedih.
5. Sesungguhnya orang yang menentang (perintah) Allah dan rasulNya, mereka pasti ditimpai kehinaan sebagaimana orang sebelum mereka. Sesungguhnya Kami telah menurunkan tanda-tanda kekuasaan yang nyata. Dan bagi orang yang kafir disediakan azab yang hina.

وَالَّذِينَ يُطَاهِرُونَ مِنْ سَكَارَةِ مُمَّ يَعُودُنَ لَمَا
قَالُوا فَتَحَجَّرَ رَبَّهُ مِنْ قَبْلِ أَنْ يَتَمَاسَّا ذَلِكُ
تُؤْعَذُونَ يٰهٗ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَعْمَلُونَ حَيْرٌ ﴿٤﴾

فَنَّ لَعْنَهُدْ فَصِيَامُ شَهْرَيْنِ مُتَتَابِعَيْنِ مِنْ قَبْلِ
أَنْ يَتَمَاسَا فَمَنْ لَعْنَهُدْ يَسْتَطِعُ فِي طَاعَةِ سِتِّينَ
مِسْكِينًا ذَلِكَ لَتُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ وَتَلْكَ
حُدُودُ اللَّهِ وَلِلْكُفَّارِينَ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٥﴾

إِنَّ الَّذِينَ يُحَادِثُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ كُفُّارٌ كَمَا
كُفِّرَ الَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ وَقَدْ أَنْزَلْنَا إِلَيْتُمْ
بَيِّنَاتٍ وَلِلْكُفَّارِينَ عَذَابٌ مُّهِينٌ ﴿٦﴾

6. Pada hari mereka semuanya dibangkitkan oleh Allah (pada hari kiamat), lalu diberitakan kepada mereka apa yang mereka telah lakukan. Allah telah menghitung amalan mereka itu satu persatu, sedangkan mereka telah melupakannya. (Ingatlah) Allah Maha Menyaksikan akan setiap sesuatu.
7. Tidakkah engkau perhatikan, sesungguhnya Allah mengetahui apa yang ada di langit dan yang ada di bumi? Tiada bisikan antara tiga orang melainkan Dialah yang keempatnya, dan tiada lima orang melainkan Dialah yang keenamnya, dan tiada yang kurang daripada bilangan itu dan tiada yang lebih ramai, melainkan Dia ada bersama-sama mereka di mana sahaja mereka berada. Kemudian Dia akan memberitahu kepada mereka pada hari kiamat kelak apa yang mereka telah lakukan. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui akan setiap sesuatu.
8. Tidakkah engkau perhatikan (wahai Muhammad) orang (Yahudi) yang telah dilarang daripada perbuatan berbisik-bisik, kemudian mereka kembali melakukan perbuatan yang telah dilarang itu serta mereka berbisik-bisik untuk melakukan dosa dan permusuhan serta derhana

يَوْمَ يَعَثِّرُهُمُ اللَّهُ جَمِيعًا إِنَّهُمْ بِمَا عَمَلُواٰ
أَخْصَصَهُ اللَّهُ وَلَسُوهُ وَاللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ
شَهِيدٌ ﴿٦﴾

أَلَّا تَرَأَنَّ أَنَّ اللَّهَ يَعْلَمُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي
الْأَرْضِ مَا يَكُونُ مِنْ نَجْوَىٰ ثَلَاثَةِ إِلَاهٍ
رَأَبِعُهُمْ وَلَا خَمْسَةِ إِلَاهٍ وَلَا سَبْعَةِ إِلَاهٍ وَلَا أَذْنَىٰ
مِنْ ذَلِكَ وَلَا أَكَثَرُ إِلَاهٍ مُوَعْدُهُمْ أَنَّ مَا
كَانُواْ مُّؤْمِنِينَ يُبَطِّلُهُمْ بِمَا عَمِلُواْ يَوْمَ الْقِيَمةِ
إِنَّ اللَّهَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ ﴿٧﴾

أَلَّا تَرَأَنَّ إِلَيْنَا نُهُوْأَنَّ الْجَوَىٰ ثُرَّ بَعُودُونَ
لِمَا نُهُوْأَنَّهُ وَيَسْتَجُونَ بِالْإِثْرِ وَالْعَدْوَنِ
وَمَعَصَيَتِ الرَّسُولِ وَإِذَا جَاءَهُمْ وَكَحَوْكَ بِمَا لَمْ
يُحِسِّنُكَ بِهِ اللَّهُ وَيَقُولُونَ فِي أَنفُسِهِمْ هُوَ لَوْلَا بَعَدَنَا
اللَّهُمَّ نَقُولُ حَسْبُهُ جَهَنَّمُ يَصْلَوْنَهَا
فَتَسْكُنُ الْمَحْسِرُ ﴿٨﴾

kepada Rasulullah? Dan apabila mereka datang kepadamu, mereka memberi salam hormat bukan dengan lafaz salam hormat yang diberikan Allah kepadamu, dan mereka berkata sesama sendiri: «(Kalau benar Muhammad utusan Tuhan, maka) sepatutnya kami diazab oleh Allah disebabkan (kata-kata buruk) yang kami ucapkan itu?» Cukuplah bagi mereka neraka Jahannam, mereka akan memasukinya. Maka itulah seburuk-buruk tempat kembali.

9. Wahai orang yang beriman! Apabila kamu berbisik-bisik sesama sendiri, maka janganlah kamu berbisik-bisik untuk melakukan dosa dan permusuhan serta derhaka kepada Rasulullah, (sebaliknya) berbisiklah untuk melakukan kebaikan dan bertakwa. Dan bertakwalah kepada Allah, kepadaNya kamu semua akan dihimpunkan.
10. Sesungguhnya perbuatan berbisik (dengan kejahatan) itu adalah daripada syaitan, untuk menjadikan orang yang beriman itu bersedih, sedangkan bisikan itu tidak akan memberi kemudaran kepada mereka sedikitpun kecuali dengan izin Allah. Dan kepada Allah jualah orang yang beriman bertawakal.
11. Wahai orang yang beriman! Apabila dikatakan kepada

يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا سَمِعُوكُمْ فَلَا تَنْهَاكُمْ
بِالْإِشْرِقَةِ وَالْغَرْبَةِ وَمَعَصِيَتِ الرَّسُولِ
وَتَنْهَاكُمْ بِالْمِنَارِ وَالثَّقْوَىٰ وَأَنْقُوا اللَّهَ الَّذِي أَنْهَا
مُحْسِرُونَ ﴿١٠﴾

إِنَّمَا الْتَّنْهَاكَىٰ مِنَ الشَّيْطَانِ لِيَحْرُمَ الَّذِينَ
آمَنُوا وَلَيْسَ بِضَارٍٰ هُرْ شَيْئاً إِلَّا يَأْذِنُ اللَّهُ
وَعَلَى اللَّهِ فَلَيَتَوَكَّلَ الْمُؤْمِنُونَ ﴿١٠﴾

يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا قِيلَ لَكُمْ نَفْسَكُمْ فَوْنِي

kamu: «Berilah kelapangan (ruang) di majlis-majlis», maka lapangkanlah agar Allah melapangkan (segala-galanya) untuk kamu. Dan apabila kamu diminta bangun maka bangunlah, supaya Allah meninggikan darjat orang yang beriman di kalangan kamu, dan orang yang diberi ilmu beberapa darjat. Dan (ingatlah), Allah Maha Mendalam PengetahuanNya terhadap apa yang kamu lakukan.

- 12.** Wahai orang yang beriman! Apabila kamu hendak menghadap dan bertanyakan sesuatu kepada Rasulullah, maka hendaklah kamu bersedekah (kepada orang miskin) sebelum kamu menghadapnya. (Pemberian sedekah) itu adalah lebih baik bagi kamu dan lebih bersih. Maka jika kamu tiada apa-apa yang hendak disedekahkan, (kamu dibenarkan juga menghadapnya), kerana sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani.

- 13.** Adakah kamu takut (akan kemiskinan) kerana kamu memberi sedekah sebelum kamu menghadap? Maka jika kamu tidak melakukan (perintah) itu dan Allah telah memaafkan kamu (kerana kamu tidak mampu), maka dirikanlah solat dan tunaikanlah zakat, serta taatlah

الْمَجَلِسِ فَأَنْسُحُوا يَقْسِنْحُ اللَّهُ لَكُمْ وَإِذَا قَيْمَ أَنْشُرُوا فَانْشُرُوا يَرْجِعُ اللَّهُ لِمَنْ يَرِدُ إِذَا آمَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أَوْتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ حَيْثُ ۝

بِتَائِبِهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا كَحِيتُمُ الرَّسُولَ فَقَدَرُمُوا بَنَى يَدَى مَحْوِنِكُ صَدَقَةً ذَلِكَ خَيْرٌ لَكُمْ وَأَظَاهَرُ فَإِنْ لَمْ يَحْدُدُوا فِيمَنَ اللَّهُ عَغُورٌ رَحِيمٌ ۝

إِنَّ أَسْفَقَتُمُّ أَنْ تَقْدِمُوا بَيْنَ يَدَيْ مَحْوِنِكُ صَدَقَتٍ فَإِذَا لَمْ قَعُوا وَتَابَ اللَّهُ عَلَيْكُمْ فَاقْبِلُمُوا الصَّلَاةَ وَأَقُولُ الْزَكُوةَ وَأَطْبِعُوا اللَّهَ وَرَسُولُهُ وَاللَّهُ حَيْثُ بِمَا تَعْمَلُونَ ۝

kepada Allah dan rasulNya. Dan (ingatlah), Allah Maha Mendalam PengetahuanNya akan segala amalan yang kamu lakukan.

14. Tidakkah engkau perhatikan orang yang menjadikan suatu kaum yang telah dimurka Allah sebagai sahabat? Mereka itu bukan tergolong di kalangan kamu dan kamu bukan daripada golongan mereka. Dan mereka bersumpah dengan pendustaan, sedangkan mereka mengetahui.
15. Allah telah menyediakan bagi mereka azab yang dahsyat. Sesungguhnya amat buruk apa yang mereka telah lakukan.
16. Mereka menjadikan sumpah-sumpah mereka sebagai perisai (untuk menyelamatkan diri dan harta bendanya daripada dirampas atau dibunuh), lalu mereka menghalang (dirinya dan orang lain) daripada jalan Allah. Maka mereka mendapat azab yang hina.
17. Harta- benda dan anak-anak mereka tidak berguna sedikit pun (untuk mereka berlindung) daripada azab Allah. Mereka itulah penghuni neraka, mereka kekal di dalamnya.
18. Pada hari mereka semua dibangkitkan oleh Allah, maka mereka bersumpah kepadaNya (bahawa mereka adalah orang yang beriman) sebagaimana

* أَلَّا يَرْجِعُ إِلَيْهِ الَّذِينَ تَوَلَّوْا فَمَا عَصَبَ اللَّهُ عَيْنُهُ
مَا هُمْ مِنْ كُوَافِرٍ لَدَمْنَهُمْ وَيَحْلِفُونَ عَلَى الْكَبِيرِ وَهُنَّ
يَعْمَلُونَ ١٤

أَعَذَ اللَّهُ مِنْهُمْ عَذَابًا شَدِيدًا إِنَّهُمْ سَاءَ مَا كَانُوا
يَعْمَلُونَ ١٥

أَخْدُوا أَيْمَانَهُمْ جُنَاحَةً فَصَدُوا عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ
فَلَهُمْ عَذَابٌ قُهُبِينٌ ١٦

لَنْ تُغْنِيَ عَنْهُمْ أَمْوَالُهُمْ وَلَا أَوْلَادُهُمْ مِنَ اللَّهِ
شَيْئًا أُولَئِكَ أَحَقُّ النَّارِ هُنْ فِيهَا حَالِدُونَ ١٧

يَوْمَ يَعْلَمُهُمُ اللَّهُ جَمِيعًا فَيَحْلِفُونَ لَهُ كَمَا
يَحْلِفُونَ لَكُوْنَهُمْ وَيَحْسَبُونَ أَنَّهُمْ عَلَى شَيْءٍ أَلَا
إِنَّهُمْ هُوَ الْكَاذِبُونَ ١٨

biasanya mereka bersumpah kepada kamu dan mereka menyangka bahawa mereka akan mendapat sesuatu. Ketahuilah, sesungguhnya mereka adalah golongan pendusta.

19. Syaitan telah menguasai mereka, sehingga menyebabkan mereka lupa mengingati Allah. Mereka itulah golongan syaitan. Ketahuilah, sesungguhnya golongan syaitan itu sebenarnya orang yang rugi.
20. Sesungguhnya orang yang menentang (perintah) Allah dan rasulNya, mereka termasuk orang yang sangat hina.
21. Allah telah menetapkan: «Sesungguhnya Aku dan para rasulKu tetap mengalahkan (golongan yang menentang)». Sesungguhnya Allah Maha Kuat lagi Maha Perkasa.
22. Engkau tidak akan mendapati sesuatu kaum yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, saling berkasih sayang dengan orang yang menentang Allah dan rasulNya, sekalipun orang itu ialah bapa mereka, atau anak mereka, atau saudara mara mereka, ataupun keluarga mereka. Mereka itulah orang yang ditetapkan iman dalam hati mereka, dan (Allah) telah menguatkan mereka dengan

أَسْتَحْوِدُ عَلَيْهِمُ الشَّيْطَانُ فَأَنْسَاهُمْ ذِكْرَ اللَّهِ
أُولَئِكَ حُرْبُ الْشَّيْطَانِ لَا إِنَّ حُرْبَ الْشَّيْطَانِ
هُوَ الْغَيْرُونَ ١٩

إِنَّ الَّذِينَ يُحَادِثُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ أُولَئِكَ فِي الْأَكْبَارِ ٦٠

كَتَبَ اللَّهُ لِأَغْلِبِنَّ أَنَّا وَرَسُولُنَا إِنَّ اللَّهَ
قَوِيٌ عَزِيزٌ ٦١

لَا يَجِدُ قَوْمًا يُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ
بُوَادِونَ مَنْ حَمَدَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَلَوْكَائُونُ
إِبَاءَهُنَّ أَوْ إِبَاءَهُنَّ أَفَإِخْوَانَهُمْ أَوْ عِشَّرَهُمْ
أُولَئِكَ كَتَبَ فِي قُلُوبِهِمْ أَلْيَامَنَ وَأَيَّدَهُنَّ
بِرُوحٍ مِنْهُ وَيُدْخِلُهُمْ جَنَّاتٍ تَجْرِي مِنْ
نَحْتِهَا الْأَنْهَرُ خَالِدِينَ فِيهَا رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ
وَرَضُوا عَنْهُ أُولَئِكَ حُرْبُ اللَّهِ لَا إِنَّ حُرْبَ
اللَّهِ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ٦٢

pertolongan daripadaNya serta Dia akan memasukkan mereka ke dalam syurga-syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, mereka kekal di dalamnya. Allah meredai mereka dan mereka reda (bersyukur) terhadapNya. Mereka itulah golongan Allah. Ketahuilah! Sesungguhnya golongan Allah itu adalah orang yang berjaya.

